

Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad (102249-P)
Level 18, Menara Great Eastern, 303, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-4259 8888 Fax: 03-4813 0055
Customer Service Careline: 1300 1300 88
Website: www.greasterngeneral.com



DATA PROTECTION NOTICE / NOTIS PERLINDUNGAN DATA

By interacting with Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad (“Company”), submitting information to the Company, enrolling or signing up for any products or services offered by the Company, you are providing personal information to the Company.

Apabila berurusan dengan Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad (“Syarikat”), dengan mengemukakan maklumat kepada Syarikat, menyertai atau mendaftar untuk sebarang produk atau perkhidmatan yang ditawarkan Syarikat, anda telah memberi maklumat peribadi kepada Syarikat.

“Personal information” means any information which relates to you and which has been provided by you to the Company, including but not limited to your name, bio-data or personal profile, National Registration Identity Card number, passport number, address, telephone number, email address, images, your personal preferences, particulars of any third party insured person or beneficiary, and financial and banking account information and any information which may identify you, any insured person, assignee, trustee or beneficiary, that has been or may be collected, stored, used and processed by the Company from time to time. The term “personal information” also includes sensitive personal data which means any personal data consisting of information as to physical or mental health or condition, political opinions, religious beliefs or other beliefs of a similar nature, the commission or alleged commission of any offence.

“Maklumat peribadi” bermaksud sebarang maklumat yang berkaitan dengan anda dan anda telah beri kepada Syarikat, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada nama anda, biodata atau maklumat peribadi, nombor Kad Pengenalan, nombor pasport, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, gambar, kegemaran peribadi, maklumat berkenaan hayat yang diasuranskan pihak ketiga atau benefisiari, dan maklumat kewangan dan akaun perbankan serta sebarang maklumat yang boleh mengenal pasti anda, mana-mana hayat yang diasuranskan, pemegang amanah atau benefisiari, pemegang serah hak yang telah atau mungkin dikumpulkan, disimpan, digunakan dan diproses oleh Syarikat dari semasa ke semasa. Istilah “maklumat peribadi” juga merangkumi data peribadi sensitif yang bermaksud sebarang data peribadi yang mengandungi maklumat berkenaan kesihatan atau keadaan fizikal atau mental anda, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengataan pelakuan untuk sebarang kesalahan.

If you provide us with any personal information relating to a third party, including where you have named them as an insured person, assignee, trustee or beneficiary, or where you refer a third party to us for the purposes of us offering our products and/or services to that third party, by submitting such information to us, you represent to us that you have obtained the consent of the third party to you providing us with their personal information for the purposes set out herein. References to “your personal information” shall include the personal information of third parties provided by you.

Sekiranya anda memberikan kami maklumat peribadi yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuklah apabila anda telah menamakan mereka sebagai hayat yang diasuranskan, pemegang amanah atau benefisiari, atau pemegang serah hak atau apabila anda merujuk pihak ketiga kepada kami bagi tujuan menawarkan produk dan/atau perkhidmatan kami kepada pihak ketiga tersebut, dengan mengemukakan maklumat sedemikian kepada kami, anda telah menyatakan kepada kami bahawa anda telah memperoleh persetujuan daripada pihak ketiga berkenaan bahawa anda akan memberikan kami

maklumat peribadi mereka bagi tujuan yang dinyatakan di sini. Rujukan bagi "maklumat peribadi anda" hendaklah merangkumi maklumat peribadi pihak ketiga yang telah anda berikan.

Your personal information may be used, recorded, stored, archived, disclosed or otherwise processed by or on behalf of the Company (and its successors in title) for the following purposes:

Maklumat peribadi anda mungkin digunakan, direkodkan, disimpan, diletakkan dalam arkib, didedahkan mahupun diproses sebaliknya oleh Syarikat atau bagi pihak Syarikat (dan penggantinya) bagi tujuan berikut:

- a. to carry on insurance business, as may be applicable and to carry out any activity or duty as an insurer, including but not limited to any operational or internal management purposes;
untuk meneruskan perniagaan insurans, seperti yang mungkin berkenaan dan untuk menjalankan sebarang aktiviti atau kewajipan sebagai penanggung insurans, termasuk tetapi tidak terhad pada sebarang tujuan operasi dan pengurusan dalaman;
- b. to assess or process any proposals or applications made for any of the Company's products and services, including any future underwriting;
untuk menilai atau memproses sebarang cadangan atau aplikasi yang dibuat untuk mana-mana produk dan perkhidmatan Syarikat, termasuk sebarang pengunderaitan pada masa hadapan;
- c. any claim or investigation or analysis of such claim, including to ascertain your claims history in order to improve claims processing and prevent fraudulent claims, including any future claims assessment;
sebarang tuntutan atau penyiasatan atau analisis bagi tuntutan tersebut, termasuklah memastikan sejarah tuntutan anda bagi memperbaiki proses tuntutan dan mencegah tuntutan palsu, termasuk sebarang penilaian tuntutan pada masa hadapan;
- d. to manage and service the Company's relationship with you and to provide you with improved customer service;
untuk menguruskan dan memberi perkhidmatan atas hubungan Syarikat dengan anda disamping memberi perkhidmatan pelanggan yang dipertingkatkan;
- e. to match and update any personal information held by the Company and the Great Eastern group of companies ("Great Eastern") relating to you from time to time (for more information on Great Eastern, log on to greateasterngeneral.com);
untuk memadankan dan mengemaskini sebarang maklumat peribadi yang dipegang oleh Syarikat dan syarikat-syarikat dalam kumpulan Syarikat Great Eastern ("Great Eastern") yang berkaitan dengan anda dari semasa ke semasa (untuk maklumat lanjut, sila layari greateasterngeneral.com);
- f. to offer and/or process any alterations, variations, cancellation or renewal of products or services by the Company or by Great Eastern;
untuk menawarkan dan/atau memproses sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau pembaharuan sebarang produk atau perkhidmatan oleh Syarikat atau Great Eastern;
- g. direct marketing and general marketing of insurance and takaful products and services

of the Company and Great Eastern, and of third party products, that may be of interest to you. Please be assured that marketing information in respect of third party products and services will only be sent to you if you have expressly consented to the same;

pemasaran langsung dan pemasaran am bagi produk insurans dan takaful serta perkhidmatan Syarikat dan Great Eastern, dan produk pihak ketiga, yang mungkin menarik minat anda. Sila pastikan bahawa maklumat pemasaran berkenaan dengan produk dan perkhidmatan daripada pihak ketiga hanya akan dihantar kepada anda hanya jika anda telah memberi kebenaran dengan jelas untuk perkara tersebut;

- h. research and audit including but not limited to historical and statistical purposes;
penyelidikan dan audit termasuk tetapi tidak terhad bagi tujuan sejarah dan statistik;
- i. to exercise any right of subrogation or recovery;
untuk menjalankan sebarang hak subrogasi atau tuntutan pemulihan;
- j. to prevent, investigate, or report any actual or suspected money laundering, terrorist financing, bribery, corruption, actual or suspected fraud including but not limited to insurance fraud, evasion of tax or of economic or trade sanctions, and other criminal or unlawful activities;
untuk mencegah, menyasiat, atau melaporkan sebarang pengubahan wang haram yang berlaku atau yang disyaki berlaku, pembiayaan pengganas, rasuah, sogokan, penipuan yang berlaku atau yang disyaki berlaku termasuk tetapi tidak terhad pada penipuan insurans, pengelakan cukai atau sekatan ekonomi atau perdagangan, dan jenayah lain atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang;
- k. for reinsurance;
untuk insurans semula;
- l. for litigation or potential litigation; and
untuk tindakan guaman atau potensi untuk tindakan guaman; dan
- m. if required by law or in good faith, if such action is necessary:
jika dikehendaki dari segi undang-undang atau dengan niat baik, sekiranya tindakan tersebut diperlukan:
 - to comply with any law enforcement, court orders or legal process, and/or
untuk mematuhi sebarang penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang, dan / atau
 - to protect and defend the rights or property of the Company and Great Eastern (for information, log on to greateasterngeneral.com).
untuk melindungi dan membela hak atau harta Syarikat dan Great Eastern (untuk maklumat lanjut, sila layari greateasterngeneral.com).

The Company may also collect and/or verify your personal information from third parties, such as a policyholder who has taken up a policy on you or for your benefit, agents, brokers, business partners and third parties from whom you have been referred to the Company, or third parties from whom we seek or receive information on you in connection with your policy, policy applications, or claims, for example, from any of the Great Eastern group of companies, other insurers or takaful providers, insurance associations and takaful associations, hospitals, clinics, motor workshops and the relevant authorities.

Syarikat mungkin mengumpul dan/atau mengesahkan maklumat peribadi anda daripada pihak ketiga, seperti seseorang pemegang polisi yang mempunyai polisi ke atas diri anda atau untuk faedah anda,

ejen, broker, rakan niaga dan pihak ketiga yang anda telah dirujuk kepada pihak Syarikat atau pihak ketiga yang telah kami dapat atau terima maklumat berkenaan anda berkaitan dengan polisi, permohonan polisi atau tuntutan anda, contohnya, dari mana-mana kumpulan syarikat Great Eastern, penanggung insurans atau pengendali takaful lain, persatuan insurans dan takaful, hospital, klinik, bengkel kereta serta pihak berkuasa yang berkaitan.

The Company may retain your personal information for such time as deemed to be necessary for the purpose of fulfilling any operational, audit, investigation, legal, regulatory, tax or accounting requirements, including but not limited to any potential litigation and future underwriting and claims assessment purposes.

Syarikat mungkin menyimpan maklumat peribadi anda untuk tempoh masa yang dianggap perlu bagi tujuan memenuhi sebarang keperluan operasi, audit, penyiasatan, undang-undang, pengawalseliaan, cukai atau perakaunan, termasuk tetapi tidak terhad bagi sebarang potensi tindakan guaman, dan tuntutan pengunderaitan serta penilaian tuntutan pada masa hadapan.

The information that you have provided to the Company is necessary. If you do not provide the Company with such information, the Company may not be able to provide you with insurance or to respond to any claim.

Maklumat yang anda beri kepada Syarikat adalah penting. Jika anda tidak memberi maklumat tersebut kepada Syarikat, Syarikat mungkin tidak dapat memberikan perlindungan insurans kepada anda atau memberi maklum balas ke atas sebarang tuntutan.

The Company may disclose and/or provide your personal information to the following parties (within and outside Malaysia) for the purposes stated above:

Syarikat mungkin mendedahkan dan/atau memberi maklumat peribadi anda kepada pihak-pihak berikut (sama ada di dalam dan di luar Malaysia) bagi tujuan yang dinyatakan di atas:

- a. the authorised representatives of the Company;
wakil yang dibenarkan oleh Syarikat;
- b. in relation to third party policies, the policy owner;
bagi polisi pihak ketiga, pemilik polisi;
- c. in relation to group policies, the policyholder and/or its brokers;
bagi polisi berkelompok, pemegang polisi dan/atau brokernya;
- d. third party service providers (who provide administrative, telecommunications, computer, payment, data processing or storage, or other services to the Company in connection with the operation of our business) to fulfill the Company's obligations to you;
penyedia perkhidmatan pihak ketiga (yang menjalankan pentadbiran, telekomunikasi, komputer, pembayaran, pemprosesan atau penyimpanan data, atau perkhidmatan lain untuk Syarikat serta berkaitan dengan operasi perniagaan kami) bagi memenuhi tanggungjawab Syarikat kepada anda;
- e. banks and financial institutions;
bank dan institusi kewangan;

- f. insurers or takaful providers, fraud detection and prevention services, reinsurance companies, insurance associations or takaful associations and insurance industry regulatory authorities;
penanggung insurans atau pengendali takaful, perkhidmatan pengesanan dan pencegahan penipuan insurans, syarikat insurans semula, persatuan insurans atau takaful dan pihak berkuasa bagi pengawalan industri insurans;
- g. any credit reference agencies or, in the event of default, any debt collection agencies;
sebarang agensi rujukan kredit atau jika gagal membuat bayaran, sebarang agensi pengutipan hutang;
- h. any insurance rating organisations that collect information about credit history, accident fault, injury description and amounts paid and share it with other insurance companies or takaful providers and others entitled to see it;
sebarang organisasi perkadaran insurans yang mengumpul maklumat berkenaan sejarah kredit, punca kemalangan, huraian kecederaan dan amaun yang dibayar serta berkongsi maklumat dengan syarikat insurans atau pengendali takaful serta pihak lain yang layak melihatnya;
- i. any person, who is under a duty of confidentiality and has undertaken to keep such data confidential, which the Company has engaged to fulfil its obligations to you;
mana-mana individu yang berperanan untuk menjaga kerahsiaan dan telah memberi akujanji untuk menyimpan data sulit tersebut, yang dilantik Syarikat untuk memenuhi tanggungjawabnya kepada anda;
- j. any actual or proposed assignee, transferee, participant or sub-participant of the Company's rights or business;
mana-mana penerima serah hak atau penerima serah hak yang dicadangkan, penerima pindahan, peserta atau peserta sebahagian bagi hak atau perniagaan Syarikat;
- k. any person to whom the Company is under an obligation to make disclosure under the requirements of any law, rules, regulations, codes of practice or guidelines binding on the Company including, without limitation, any applicable regulators, governmental bodies, or insurance associations, and where otherwise required by law;
mana-mana individu yang mana Syarikat bertanggungjawab membuat pendedahan mengikut keperluan sebarang undang-undang, aturan, peraturan, kod amalan atau garis panduan yang mengikat ke atas Syarikat, termasuk dan tidak terhad kepada mana-mana badan pengawalan, badan kerajaan, atau persatuan insurans dan selainnya apabila diperlukan undang-undang;
- l. other companies in Great Eastern, and the Company's affiliates; and
syarikat-syarikat lain yang bernaung di bawah Great Eastern dan rakan-rakan sekutu Syarikat; dan
- m. any business or strategic partners.
mana-mana rakan kongsi perniagaan atau strategik.

You may access certain personal information held by the Company based on the applicable data protection laws of Malaysia.

Anda boleh mengakses maklumat peribadi tertentu yang dipegang oleh Syarikat berdasarkan undang-undang perlindungan data yang berkaitan di Malaysia

You may access your personal information at any time by calling Customer Service Care or visiting our Customer Portal. If you have any inquiries such as limiting the processing of certain information, including the withdrawal of consent to receive marketing information, you may contact our Customer Service Care, or write to the Company.

Anda boleh mengakses maklumat peribadi anda pada bila-bila masa dengan menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan "Customer Service Care" atau melayari Portal Pelanggan kami. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan seperti menghadkan pemprosesan sesetengah maklumat, termasuk membatalkan kebenaran untuk menerima maklumat pemasaran, anda boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami, atau menulis kepada Syarikat.

If you have any complaints in respect of your personal information, you may contact our Privacy Officer.

Jika anda mempunyai sebarang aduan berkenaan maklumat peribadi anda, anda boleh menghubungi Pegawai Privasi kami.

For more information on how the Company deals with your personal information, please log on to our website and read the Client Charter and Privacy Policy, as set out below:

Untuk keterangan lanjut bagaimana Syarikat menggunakan maklumat peribadi anda, sila layari laman sesawang kami dan baca Piagam Pelanggan Syarikat dan Dasar Polisi Privasi seperti yang dinyatakan dibawah:

Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad	
Website Laman Sesawang	greateasterngeneral.com
Customer Portal Portal Pelanggan	https://econnect-my.greateasternlife.com
Customer Service Care Pusat Perkhidmatan Pelanggan	1300 1300 88 (Press 2 for General Insurance) (Pilih 2 untuk Insurans Am)
Email Address Alamat email	gicare-my@greateasterngeneral.com
Privacy Officer Pegawai Privasi	+603 - 2786 1162

The Company may charge a reasonable fee for access. If you can show that the personal information held by the Company is not accurate, complete and up to date, the Company will take reasonable steps to ensure it is accurate, complete and up to date upon receiving your verification or feedback.

Syarikat mungkin mengenakan bayaran yang berpatutan untuk pemberian akses. Jika anda mendapati bahawa maklumat peribadi yang dipegang oleh Syarikat adalah tidak tepat, tidak lengkap dan tidak dikemaskini, Syarikat akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan maklumat adalah tepat, lengkap dan dikemas kini setelah menerima pengesahan atau maklum balas daripada anda.

The Company may review and update this Personal Data Protection Notice from time to time to reflect changes in the law, changes in the business practices, procedures and structure of our Company and Great Eastern, and changes in the community's privacy expectations. It is not generally feasible to notify you of changes to this Personal Data Protection Notice and as such, you can log on to our website to obtain the latest version of the Personal Data Protection Notice at any time.

Syarikat boleh menyemak semula dan mengemaskinkan Notis Perlindungan Data Peribadi ini dari semasa ke semasa mengikut pindaan undang-undang, pindaan amalan perniagaan, prosedur dan struktur Syarikat serta Great Eastern, dan pindaan mengikut tahap jangkaan privasi oleh masyarakat. Secara amnya, kami mungkin tidak dapat memaklumkan anda bagi setiap perubahan ke atas Notis Perlindungan Data ini, oleh itu, anda boleh melayari laman sesawang kami untuk mendapatkan versi terbaharu Notis Perlindungan Data Peribadi pada bila-bila masa.

By interacting with the Company, submitting information to the Company, enrolling or signing up for any products or services offered by the Company, you consent (and where required, explicitly consent) to such use of your personal information including sensitive personal data, in the manner set out in this notice. Such consent and authorisation herein shall extend to any information obtained from any of the insurance policy(ies) presently provided to you, any new application to the Company for insurance, and claim processing, such historical financial or credit records, data or information whether or not provided personally.

Dengan berurusan dengan Syarikat, serta dengan mengemukakan maklumat kepada Syarikat, mendaftarkan atau pendaftaran bagi sebarang produk atau perkhidmatan yang ditawarkan Syarikat, anda telah bersetuju (dan jika diperlukan, bersetuju dengan jelas) ke atas penggunaan maklumat peribadi anda termasuklah data peribadi sensitif, mengikut cara yang dinyatakan dalam notis ini. Persetujuan dan kebenaran tersebut yang dinyatakan di dalam ini akan dilanjutkan bagi mana-mana maklumat yang diperoleh daripada mana-mana polisi insurans yang diberi kepada anda, sebarang permohonan baharu kepada Syarikat untuk insurans, dan pemprosesan tuntutan, seperti sejarah maklumat kewangan atau rekod kredit, data atau maklumat sama ada atau tidak diberikan secara peribadi.

In the event of any inconsistencies between the English version and the Bahasa Malaysia version of this notice, the English version shall prevail.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia pada notis ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.